



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

CYBERSECURITY MALAYSIA (CSM) DAN SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (MCMC) RANGKUL ANUGERAH ANTARABANGSA DI GENEVA

PUTRAJAYA, 10 SEPTEMBER 2020 – Malaysia menerima pengiktirafan dunia apabila CyberSecurity Malaysia (CSM), agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah dinobatkan sebagai pemenang atau *Project Winner* menerusi projek bertajuk Global Accredited Cybersecurity Education (ACE) Scheme: Centre of Excellence for Capacity Building and Lifelong Learning bagi Kategori 5 - 'Building Confidence and Security in Use of ICTs'. Di samping itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) turut diumumkan sebagai *Project Champion* menerusi projek Klik Dengan Bijak bagi Kategori 17 – 'Ethical Dimensions of the Information Society'. Kategori yang dimenangi ini adalah daripada 18 kategori yang dipertandingkan di Forum World Summit on the Information Society Prizes (WSIS Prizes) 2020 yang berlangsung di Geneva, Switzerland.

Keseluruhannya, sebanyak lima (5) projek ICT tempatan (termasuk projek Global ACE Scheme dan Klik Dengan Bijak) telah mendapat pengiktirafan di WSIS Prizes 2020 apabila dipilih sebagai *Project Champion* dalam kategori yang berasingan. *Project Winner* iaitu The Global ACE Scheme merupakan skim pembangunan profesionalisme dalam bidang keselamatan siber yang dibangunkan oleh CSM dengan kerjasama agensi Kerajaan, industri, institusi akademik dan disokong oleh Pertubuhan Kerjasama Islam - Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer (OIC-CERT). Skim yang dibangunkan sejajar dengan piawaian antarabangsa ISO/IEC17024, ISO/IEC27001 dan ISO/IEC9000 telah mewujudkan platform penyatuan tunggal atau *single converging platform* pembangunan keupayaan dan pembelajaran sepanjang hayat yang membolehkan individu perseorangan meningkatkan kemahiran dan kefahaman dalam bidang keselamatan siber.

Penganjuran WSIS Forum 2020 kali ke-8 ini berlangsung pada 7 hingga 10 September 2020 dan merupakan platform global bagi membincangkan peranan Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) sebagai salah satu kaedah pelaksanaan Matlamat Pembangunan Lestari atau Sustainable Development Goals (SDGs) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Forum ini adalah anjuran bersama International Telecommunication Union (ITU), United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO), United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) dan United Nations Development Programme (UNDP). Dengan tema “Fostering Digital Transformation and Global Partnerships: WSIS Action Lines for Achieving SDGs”, objektif utama forum ini adalah untuk membincangkan isu-isu berkaitan ICT melalui pendekatan yang lebih berstruktur dan inklusif di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

WSIS Prizes Winner adalah antara program yang turut dijalankan bagi memberi penghargaan kepada pihak berkepentingan atas usaha dalam membangunkan projek ICT untuk mencapai SDGs di mana sebanyak 18 kategori projek telah dipertandingkan. WSIS Prizes 2020 telah menerima penyertaan sebanyak lebih 800 projek dari seluruh dunia. Daripada jumlah ini, sebanyak 354 projek telah disenarai pendekkan dan hanya 18 *Project Winners* dan 72 *Project Champions* dipilih oleh komuniti pelbagai pihak WSIS. Malaysia telah menghantar 12 penyertaan dalam lapan (8) kategori dan sebanyak lima (5) projek ICT telah dipilih sebagai *Project Champion* menerusi undian awam yang dijalankan di seluruh dunia secara dalam talian. Projek-projek tersebut adalah seperti yang berikut:

- i) **Tajuk** : Government Integrated Telecommunications Network
Kategori : Category 2 Action Line C2. Information and Communication Infrastructure
Champion : Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

- ii) **Tajuk** : Global Accredited Cybersecurity Education Scheme: Centre of Excellence for Capacity Building and Lifelong Learning
Kategori : Category 5 Action Line C5. Building Confidence and Security In Use of ICTs
Winner and Champion : CyberSecurity Malaysia (CSM)

- iii) **Tajuk** : Digital Document Management System 2.0 (DDMS)
Kategori : Category 6 Action Line C6. Enabling Environment
Champion : Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
- iv) **Tajuk** : Breast Cancer Classification CAD through Multilayer Neural Network
Kategori : Category 14 Action Line C7. ICT Applications: Benefits in All Aspects of Life - E-science
Champion : Multimedia University (MMU)
- v) **Tajuk** : Klik Dengan Bijak
Kategori : Category 17 Action Line C10. Ethical Dimensions of the Information Society
Champion : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

Pengumuman pemenang telah disiarkan secara langsung pada 7 September 2020 menerusi platform webinar dan Facebook WSIS Forum 2020.

###

Maklumat Tambahan

WSIS Project Prizes 2020 Categories

- C1. The role of public governance authorities and all stakeholders in the promotion of ICTs for development
- C2. Information and communication infrastructure
- C3. Access to information and knowledge
- C4. Capacity building
- C5. Building confidence and security in use of ICTs
- C6. Enabling environment
- C7. ICT Application:
 - E-government
 - E-business
 - E-learning
 - E-health

- E-employment
 - E-environment
 - E-agriculture
 - E-science
- C8. Cultural diversity and identity, linguistic diversity and local content
- C9. Media
- C10. Ethical dimensions of the Information Society
- C11. International and regional cooperation

Dikeluarkan oleh:

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia